



## **SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

### **PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan  
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam  
Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II (B.2 EB.3 / B.2)  
PEJABAT WAWASAN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

#### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kersmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II**  
**PEJABAT WAWASAN BRUNEI**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**  
**B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 EB KHAS \$4,360 - \$4,840 SEBULAN) /**  
**B.2 (\$2,270 - \$3,760 EB KHAS \$3,880 - \$4,360 SEBULAN)**  
**KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) **TANGGA GAJI B.2 EB.3**

Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

b) **TANGGA GAJI B.2**

i) *BDTVEC / BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)* atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran Awam atau bidang bersesuaian **dan** telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

**ATAU**

ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan yang bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji C.3 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

2. Sebelum layak ditetapkan dalam jawatannya, Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II dikehendaki lulus peperiksaan berikut:

- i) Peperiksaan Jabatan (jika ada);
- ii) Peraturan-Peraturan Am 1961 dan Peraturan-Peraturan Perkhidmatan; dan
- iii) Peraturan-Peraturan Kewangan.

Peperiksaan ii dan iii akan dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

3. Berkemahiran dalam penggunaan teknologi Informasi (IT).



### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengurus dan memantau perkembangan *Key Performance Indicators (KPIs)* Kebangsaan dan inisiatif utama yang berkaitan dengan matlamat-matlamat Wawasan Brunei 2035;
2. Mengkoordinasi maklumat dan sebarang tindakan yang diperlukan berkaitan dengan *Blueprint-Blueprint* Wawasan Brunei 2035 dengan kerjasama Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja Wawasan Brunei 2035 bagi *Manpower, Social and Economic Blueprints*;
3. Membuat penyelidikan, penilaian impak dan melaporkan perkara-perkara yang berkaitan dengan Matlamat Wawasan Brunei 2035;
4. Mengurus Sumber *Respository* Kebangsaan bagi keseluruhan Pelan-Pelan Induk / Strategik / Kajian yang berkaitan; dan
5. Melaksanakan pelan-pelan tindakan serta inisiatif sebagai Sekretariat Jawatankuasa Khas Penyelarasaran Kebangsaan Matlamat Pembangunan Yang Berdaya Tahan (JKPK *SDGs*).